

Azhar Harun mohon ketepi saman Dr M

Malaysiakini

12 Ogos 2020

Datuk Azhar Azizan Harun memfailkan permohonan untuk membatalkan saman pemula dikemukakan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan empat lagi individu yang mencabar kesahihan pelantikannya sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Datuk Seri Azalina Othman Said sebagai Timbalan Yang Dipertua.

Permohonan untuk membatalkan saman pemula itu dikemukakan bersama dengan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Mohd Rashid Hasnon yang dinamakan sebagai defendan ketiga dalam saman itu.

Perkara itu dimaklumkan oleh peguam Muhammad Rafique Rashid Ali yang mewakili Dr Mahathir dan keempat-empat individu itu selaku plaintif kepada pemberita selepas pengurusan kes hari ini yang diadakan secara e-review di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Ahmad Kamal Md Shahid.

Muhammad Rafique memaklumkan mahkamah menetapkan 13 Ogos untuk pengurusan kes selanjutnya.

Prosiding secara e-review itu turut dihadiri peguam Hoe Sue Lu mewakili Azhar dan Mohd Rashid manakala peguam Syazwani Mohd Zawawi bertindak bagi pihak Azalina dan Setiausaha Dewan Rakyat Nizam Mydin Bacha Mydin yang dinamakan sebagai defendan keempat.

Azhar dan Mohd Rashid selaku defendan pertama dan ketiga memfailkan permohonan untuk membatalkan saman pada 7 Ogos lepas atas alasan perkara-perkara yang terkandung di dalam saman pemula itu termaktub kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan apa jua perkara yang berkaitan dengan urusan Parlimen tidak tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah.

Menurut kedua-dua defendan itu, isu-isu yang dibangkitkan oleh kesemua plaintif termasuk dalam kategori perdebatan Parlimen dan apa jua prosiding Parlimen tidak boleh diadili atau dihakimi oleh mahkamah selaras dengan Perkara 63(1) Perlembagaan Persekutuan.

Pada 23 Julai lepas, Dr Mahathir, anaknya bekas Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz, bekas Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik, Ahli Parlimen Kubang

Pasu Datuk Wira Amiruddin Hamzah dan Ahli Parlimen Sri Gading Datuk Dr Shahrudin Md Salleh memfailkan saman pemula terhadap Azhar, Azalina, Mohd Rashid dan Nizam Mydin yang dinamakan sebagai defendan pertama hingga keempat.

Dalam saman itu, kesemua plaintif memohon deklarasi bahawa kerusi Yang Dipertua Dewan Rakyat sejak 13 Julai lepas masih kosong dan pelantikan Azhar dan Azalina itu adalah tidak sah kerana ia tidak berperlembagaan dan/atau bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan/atau Peraturan 3,4, 6 dan 47 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan/atau kedaulatan undang-undang.

Kesemua plaintif juga menuntut deklarasi bahawa semasa perjalanan sesuatu persidangan Dewan Rakyat, sebaik sahaja usul mengosongkan jawatan Yang Dipertua dan/atau timbalan diluluskan oleh majoriti ahli Dewan Rakyat, maka tempoh 14 hari bagi pihak setiap ahli Dewan Rakyat untuk mengemukakan calon Yang Dipertua dan timbalannya adalah bermula dari tarikh usul itu diluluskan.

Mereka juga memohon perintah seorang Yang Dipertua dan timbalannya sekiranya jawatan itu dikosongkan semasa perjalanan persidangan berlangsung, hendaklah melalui proses-proses pencalonan, perbahasan dan pengundian cukup bilangan oleh Ahli-Ahli Dewan Rakyat untuk menjadikan satu proses pelantikan

yang sah.

Antara alasan yang dikemukakan dalam permohonan itu adalah tindakan defendan ketiga (Mohd Rashid) yang membuat penetapan dengan memaklumkan bahawa cuma ada satu calon bagi tujuan pelantikan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang baharu, adalah tidak sah.

Ini adalah kerana tidak ada peluang diberi oleh defendan ketiga (Mohd Rashid) dan keempat (Nizam Mydin) kepada semua Ahli Dewan Rakyat untuk memajukan pencalonan dan/atau perbahasan dan/atau pengundian bagi mengisi kerusi Yang Dipertua Dewan Rakyat dalam masa 14 hari sebelum mana-mana mesyuarat lanjutan bagi tujuan pelantikan diadakan.

Plaintif juga mendakwa tindakan defendan keempat untuk memasyhurkan dan/atau memanggil Azhar dan Azalina mengambil tempat sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat dan timbalan adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan/atau Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan tidak sah.

Dalam affidavit yang diikrarkan Dr Mahathir bagi menyokong saman pemula itu, beliau antaranya berkata mahkamah di bawah kuasa kehakiman, berhak untuk memberikan deklarasasi yang dimohon semua plaintif bagi menentukan bahawa

mana-mana persidangan Dewan Rakyat selepas 13 Julai yang akan merangkumi keputusan-keputusan negara dan/atau kelulusan rang undang-undang tidak terpalit dengan kecacatan atau ketidaksahihan.

Beliau juga mendakwa sekiranya mahkamah tidak melaksanakan tanggungjawab untuk memperbetulkan ketidakaturan yang dimohon dalam saman pemula, maka persidangan lanjut Dewan Rakyat selepas 13 Julai yang dipengerusikan oleh Azhar atau Azalina akan menjadi tidak sah dan juga berpotensi untuk menjadikan mana-mana penetapan kelulusan rang undang-undang dan perbahasan juga menjadi tidak sah.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/538189>